

**Rais Gesa Rakyat Bijak Beri Kuasa Kepada Pemimpin Yang Mampu Balas Jasa Bernama**  
**9 Januari , 2012**

SEREMBAN, 9 Jan (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim meminta rakyat supaya bijak menilai dan memberi kuasa kepada pemimpin yang mampu membalas jasa dengan memperjuangkan nasib serta kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata kuasa yang diberikan kepada kerajaan merupakan kuasa dan suara rakyat yang diterjemahkan melalui pemerintahan masa kini.

"Kita perlu soal diri kita, apa guna kuasa ini, adakah ia untuk orang yang memperjuangkan kepentingan orang perseorangan atau untuk negara dan rakyat.

"Sebagaimana kita maklum, orang juga sudah jelik dengan politik jalandan dan kaki lima yang ditunjukkan oleh pembangkang seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR). Nyata ia tidak mempunyai haluan atau jalan untuk mentadbir negara," katanya semasa menutup program Jalinan Mesra Rakyat 1Malaysia anjuran kementerian berkenaan di padang awam Taman Desa Rhu di sini Ahad malam.

Rais berkata kuasa yang dimiliki kerajaan hari ini telah digunakan sebaik mungkin oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk diberikan kepada rakyat.

"Sebab itu kita ada program sebegini dan kerajaan kita masih mampu memberikan bantuan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bagi membantu orang kampung dan yang susah walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu masa kini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638680>